



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : <http://www.ppdjasin.edu.my>



Rujukan kami: PPDJ.UPA.700-7/1 (38)
Tarikh: 27 Januari 2010
11 Safar 1431H

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Jasin

Tuan,

**Maklumbalas Sambutan Pertandingan Menulis Surat Kepada Perdana Menteri Sempena
Program Penghayatan 1Malaysia**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Melaka telah di arah supaya membuat kajian terhadap maklumbalas yang telah dibuat oleh pihak sekolah terhadap pertandingan yang tersebut di atas. Untuk makluman tuan, surat mengenai pertandingan tersebut telahpun diedarkan ke semua sekolah di dalam Melaka pada awal Januari 2010. Surat tersebut boleh juga dimuat turun dari portal e-rajin PPD Jasin.

3. Sehubungan ini, besarlah harapan pihak kami agar tuan dapat memberikan maklumbalas terhadap sambutan yang telah diberikan oleh para pelajar di sekolah tuan, samada mereka mengirimi surat tersebut dalam bentuk 'e-mail' atau pos. Sila hantarkan maklumat tersebut ke PPD Jasin selewat-lewatnya pada 19 Februari 2010. Pihak sekolah boleh menggunakan borang yang dilampirkan bersama-sama dengan surat ini.

Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan di dalam hal ini saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(YUSOF BIN AHMAD)
Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

s.k. 1. Pengarah JPM
2. Fail PPD

**BORANG MAKLUMBALAS PERTANDINGAN MENULIS SURAT KEPADA PERDANA MENTERI
SEMPENA PROGRAM PENGHAYATAN 1MALAYSIA**

Sekolah : _____

Nama Pengetua / Guru Besar: _____

Enrolmen pelajar: _____

Bilangan penyertaan pelajar di dalam pertandingan ini:

Tingkatan / Tahun	Bilangan Penyertaan	Catatan
1		
2		
3		
4		
5		
6		
Jumlah		

Disahkan oleh,
Pengetua/Guru Besar

Cop rasmi sekolah:

*Sila kembalikan borang ini ke PPD Jasin selewat-lewatnya pada 19 Februari 2010 (Jumaat)
No faks: 5291037